

09 FEB 1997

Mahathir- Pelabur

MAHATHIR NASIHAT PELABUR TEMPATAN JANGAN TAMAK

KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan pelabur- pelabur Malaysia supaya lebih berhati-hati dalam rancangan mereka untuk melabur di negara lain seperti di Filipina supaya mereka tidak dituduh tamak.

Beliau berkata oleh kerana modal pelabur tempatan adalah terhad, jika mereka tidak boleh melabur di Filipina, mereka masih boleh berbuat demikian di negara-negara lain di mana peluang melabur memang banyak.

"Kita tidak mahu orang berkata kita terlangsung tamak (sehingga) nak ambil semua pelaburan untuk kita," kata Dr Mahathir kepada pemberita di rumah terbuka sempena Hari Raya di Sri Perdana di sini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai keputusan sebuah mahkamah Filipina baru-baru ini menghalang kerajaan Filipina daripada menjual hotel bersejarah, Hotel Manila, kepada Renong Berhad, yang memenangi tawaran untuk membeli hotel itu pada tahun 1995.

Mahkamah itu seterusnya mengarahkan kontrak jualan itu diberi kepada sebuah syarikat yang berpejabat di Manila iaitu Prince Hotel Corporation, bersesuaian dengan dasar "utamakan rakyat Filipina".

Semalam, Setiausaha Luar Filipina, Domingo Siazon dilaporkan berkata adalah sukar bagi kerajaan Filipina untuk menjelaskan keputusan mahkamah itu kepada kerajaan Malaysia.

Siazon yang menggangap keputusan itu sebagai memalukan kerajaan Filipina, berkata beliau akan bertemu dengan Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi semasa Mesyuarat Menteri Luar Asean- Kesatuan Eropah di Singapura minggu depan, "bagi mengurangkan ketegangan" ekoran keputusan itu.

Ketika ditanya sama ada keputusan itu akan menjejaskan hubungan dua hala dan pelaburan Malaysia di Filipina, Perdana Menteri berkata: "Saya fikir tentulah pelabur daripada Malaysia akan lebih berhati-hati dan tidak terlalu sangat melabur di Filipina."

Beliau menjelaskan bahawa pelabur Malaysia sebenarnya telah diminta untuk melabur di Filipina bagi membantu dalam usaha memulihkan ekonomi negara itu.

"(Tetapi) sekarang ekonomi Filipina sudah pulih, sama ada kerana Malaysia ataupun tidak, kita tak tahu.

"Tetapi saya rasa kerana sudah pulih ini, jadi tentulah berubah sedikit pandangan (Filipina) terhadap pelaburan asing," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada pelabur tempatan dituduh tamak kerana tindakan mereka yang terlalu agresif dalam menarik serta mencari pelaburan, Dr Mahathir berkata pelaburan Malaysia adalah bersifat "dua-hala".

"Kita bukan melabur untuk mencari keuntungan sahaja. Kita melabur dalam (projek) infrastruktur yang diperlukan oleh negara berkenaan dan kita dahulupun membuka peluang bagi orang asing bagi melabur di Malaysia untuk sama-sama mencari keuntungan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata kedua-dua pihak iaitu pelabur dan negara yang menerima pelaburan itu akan mendapat faedah dalam sesuatu pelaburan.

Beliau berkata pelaburan Malaysia di Filipina bukan sahaja untuk mengaut keuntungan tetapi "demi kepentingan Filipina juga".

"Jadi dalam perkara semacam ini, tidak ada jalan satu hala ...kena ada dua-hala," kata beliau.--BERNAMA

ES AR